



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05/01/2018

KRISIS PERLEMBAGAAN MALAYSIA 1988



Adalah tidak benar menyatakan saya menggunakan nama Dr Mahathir tanpa pengetahuannya, sedangkan sebelum itu, saya sudah menasihati beliau pemecatan Ketua Hakim Negara yang sedang bertugas tidak boleh dilakukan tanpa mengikut Perlembagaan Persekutuan”

Abu Talib Othman,
Bekas Peguam Negara



‘Saya bertindak atas arahan Dr Mahathir, Seri Paduka’

BH-5/1/2018 Pg.7

➔ Bekas Peguam Negara nafi guna nama Perdana Menteri pecat Tun Salleh Abas

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman menafikan dakwaan beliau menggunakan nama Tun Dr Mahathir Mohamad untuk membolehkan pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas pada 1988.

Abu Talib berkata, ‘Krisis Perlembagaan Malaysia 1988’, dilakukan melalui tribunal yang mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail.

“Adalah tidak benar menyatakan saya menggunakan nama Dr Mahathir tanpa pengetahuannya, sedangkan sebelum itu, saya sudah menasihati beliau pemecatan Ketua Hakim Negara yang sedang bertugas tidak boleh dilakukan tanpa mengikut Perlembagaan Persekutuan.

“Saya turut mengingatkan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, beliau harus menjaga dan memelihara Perlembagaan Persekutuan,” katanya.

Abu Talib berkata, pemecatan Salleh hanya boleh dilakukan mengikut Perkara 125(3) Perlembagaan Persekutuan, yang mana satu tribunal harus ditubuhkan untuk mengetahui sama ada ada kes salah laku atau sebab lain sebelum Ketua Hakim Negara dipecat.

Setuju tubuh tribunal

“Penubuhan tribunal hanya boleh dilakukan melalui representasi dilakukan Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong.

“Memandangkan Dr Mahathir dan Yang di-Pertuan Agong bersejua tindakan perlu diambil, saya kemudian menyediakan semua kertas kerja untuk penubuhan tribunal itu,” katanya.

Abu Talib berkata, komunikasi dengan pihak istana bagi memaklumkan penubuhan tribunal itu turut dikendalikan Pe-

jabat Perdana Menteri.

Representasi dibuat Perdana Menteri

“Dalam hal ini, saya menggunakan nama Perdana Menteri dan pejabatnya kerana Perlembagaan Persekutuan menyatakan tribunal hanya boleh ditubuhkan melalui representasi dibuat Perdana Menteri.

“Perkara ini berlaku pada tahun 1988 dan kita tak boleh harap Dr Mahathir mengingati setiap maklumat yang berlaku pada waktu itu,” katanya.

Bagaimanapun, Abu Talib menegaskan bukan Dr Mahathir yang mahu memecat atau memulakan tindakan terhadap Salleh, sebaliknya hanya bertindak atas arahan Yang di-Pertuan Agong.

“Saya nampak surat ditulis dan ditandatangani Yang di-Pertuan Agong mengarahkan Dr Mahathir memecat Salleh sebagai Ketua Hakim Negara dan melantik Tun Abdul Hamid Omar,” katanya.